

Pelajar: Amaran ditahan

B.M. 12 OKT 1975

MENTERI Pelajaran,
Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut yang menyertai kegiatan yang membahayakan negara akan ditahan apabila mereka pulang ke tanahair nanti.

Dr. Mahathir tidak menyatakan pelajar-pelajar Malaysia di negeri mana yang beliau maksudkan, tetapi adalah difahamkan kenyataannya itu ditujukan kepada mereka di New Zealand dan Australia.

Ini ialah kerana akhir-akhir ini, ramai pelajar Malaysia di kedua negara itu mengecam Kerajaan, malah ada di antaranya yang menyertai gerakan anti-nasional seperti yang berlaku di New Zealand, beberapa bulan lalu.

Dr. Mahathir membuat ingatan tersebut ketika berucap kepada kira-kira 1,000 orang guru di Stadium Syed Omar, di sini.

Kata Dr. Mahathir, kebanyakan pelajar-pelajar Malaysia di Australia dan New Zealand mengecam Kerajaan mereka sendiri kerana dipaksa oleh pelajar-pelajar kedua negara itu sendiri.

A. SETAR, Sabtu

Di samping itu ada pula pelajar-pelajar Malaysia yang mengecam Kerajaan sendiri semata-mata sebagai helah untuk tinggal terus di negeri-negeri itu.

Helahnya ialah, dengan mengecam Kerajaan sendiri, pelajar-pelajar itu nanti akan merayu Kerajaan kedua negara supaya memberikan kebenaran kepada mereka untuk tinggal terus kerana kalau pulang mereka akan ditangkap oleh Kerajaan Malaysia.

Memaksa pelajar

Menurut Dr. Mahathir, pelajar-pelajar negara-negara berkenaan selalunya memaksa pelajar Malaysia mengecam Kerajaan mereka dan mengugut kalau mereka tidak berbuat demikian, mereka tidak akan diberikan kemudahan-kemudahan pelajar.

Setengah-setengah pelajar Malaysia telah tunduk kepada ugutan ini, kata Dr. Mahathir lagi.

Dalam sidang akhbar sebelum berlepas ke New Zealand dan Australia semalam, Tun Abdul Razak juga menimbulkan soal pelajar-pelajar Malaysia di kedua negara itu.

Kata Tun Razak, beliau akan menemui pelajar-pelajar Malaysia di kedua negara itu sekalipun ada laporan mengatakan setengah-setengah pelajar Malaysia di sana hendak mengadakan tunjuk perasaan dalam masa lawatan beliau itu.

Sekarang terdapat kira-kira 7,000 orang pelajar Malaysia di Australia dan kira-kira 2,000 orang di New Zealand.